

SIARAN MEDIA

MyCC DAN MCMC MEMPERKUKUH KOLABORASI MENERUSI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

KUALA LUMPUR, 03 OGOS 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang menandakan satu langkah penting ke arah mengukuhkan lagi hubungan kerjasama antara kedua-dua badan kawal selia. Majlis menandatangani MoU yang berlangsung di Auditorium Azman Hashim, Bangunan AICB di ibu negara ini menunjukkan komitmen tidak berbelah bahagi kedua-dua pihak untuk terus bekerjasama dalam menangani isu persaingan yang semakin kompleks yang merangkumi bidang kuasa kedua-dua badan kawal selia.

MyCC dan MCMC telah secara konsisten bekerjasama untuk memastikan persaingan dalam pasaran bagi melindungi kebajikan pengguna. Kerjasama paling signifikan adalah tindakan penguatkuasaan bersama MyCC dan MCMC dalam menangani pengaturan eksklusif antara penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan pemaju harta tanah atau badan pengurusan bersama di bangunan kediaman bertingkat berikutnya aduan yang diterima daripada orang awam. Satu lagi bidang kerjasama adalah dalam menangani isu persaingan yang berkaitan dengan platform e-dagang dan penyedia perkhidmatan kurier.

Majlis menandatangani MoU ini merintis jalan bagi kerjasama berstruktur di antara MyCC dan MCMC. Ini termasuk memperkukuhkan kerjasama, aktiviti advokasi, pembangunan kapasiti, serta kerjasama dalam penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan bersama. Selain itu, kedua-dua pihak juga saling membantu antara satu sama lain dalam fungsi masing-masing yang akhirnya memberi manfaat kepada kedua-dua badan pengawal selia.

MoU ini telah ditandatangani oleh Pengerusi MyCC, YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Yunus dan Ketua Pegawai Operasi MCMC, YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus. Majlis tersebut disaksikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din dan Ketua Pegawai Eksekutif

MyCC, Encik Iskandar bin Ismail. Ini membuktikan komitmen kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan dasar ekonomi dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna di negara ini menerusi dasar persaingan dan penguatkuasaan.

Sebelum Majlis Menandatangani MoU ini diadakan, MyCC dan MCMC telah menganjurkan forum bertajuk "Memperkuuh Dasar Perindustrian Melalui Persaingan" yang menampilkan pakar-pakar dalam bidang berkaitan. Para penceramah dan peserta yang terlibat dalam perbincangan yang membina ini bertukar pandangan berhubung persaingan sihat yang dapat memberi manfaat kepada pasaran dan pengguna. Forum tersebut turut dihadiri oleh pihak berkepentingan MyCC dan MCMC.

-TAMAT-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

No Telefon Bimbit: +6019 215 2273

E-mel:cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuaskan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini diguna pakai kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulang tahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkannya kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baharu ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kemajuan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Strategik dan Hubungan Industri

E-mel: scird@mcmc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawal selia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. MCMC juga mempunyai tanggungjawab ke atas perkhidmatan pos dan pensijilan digital di bawah Akta Perkhidmatan Pos (PSA) 2012 dan Akta Tandatangan Digital (DSA) 1997.